

## Penyediaan untuk Ujian Pemantauan Tekanan Darah Ambulatori 24 jam

Pada hari ujian, mandi sebelum datang ke Makmal Jantung Bukan Invasif kami dengan berpakaian longgar. Golongan wanita dinasahati agar berpakaian dua helai dan dengan pakaian skirt/seluar.

### Apakah Risiko yang Mungkin?

Tiada kesan sampingan utama yang dikaitkan dengan ujian ini. Namun begitu, anda mungkin mengalami yang berikut:

- Sedikit ketidakselesaan di lengan apabila manset (cuff) mengembang
- Sedikit ruam di tempat manset (cuff)

Sila beritahu ahli teknologi jantung atau doktor anda sekiranya anda mengalami masalah- masalah ini.

### Bilakah Boleh Saya Tahu Keputusannya?

Keputusan dan langkah rawatan anda yang seterusnya akan dibincangkan bersama doktor anda pada temu janji klinik pesakit luar yang akan datang.

#### TINGKAT 3 PUSAT PERUBATAN TTSH

- Pusat Jantung
- Klinik 3A (Kardiologi, Perkhidmatan Ambulatori Jantung, Gim Rehabilitasi Jantung)
- Klinik 3B (Atrium Jantung, Pusat Pengimejan Jantung)

#### TINGKAT 3 BLOK KECEMASAN (A&E)

- Makmal Jantung Invasif

#### NOMBOR TELEFON:


6537 7000 (Semua Temu Janji)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://www.ttsh.com.sg/Patients-and-Visitors/Medical-Services/Cardiology/Pages/default.aspx>

Jabatan  
**KARDIOLOGI**

## Pemantauan Tekanan Darah Ambulatori 24 jam



## Apakah Ujian Pemantauan Tekanan Darah Ambulatori 24 jam?

Tekanan darah berubah-ubah mengikut masa, keadaan psikologi seseorang dan tahap kegiatan fizikal. Bacaan tekanan darah biasanya lebih tinggi apabila anda berjumpa dengan doktor anda di klinik, terutamanya jika anda berasa cemas, berbanding semasa anda berada di rumah.

Pemantauan tekanan darah ambulatori merupakan ujian di mana tekanan darah anda diukur pada berbilang selang masa sepanjang tempoh 24 jam. Anda dikehendaki membawa bersama alat rekod tekanan darah berkomputer mudah alih sepanjang tempoh ujian. Ujian ini memberikan lebih banyak maklumat berbanding bacaan tekanan darah sekali di klinik. Ini membolehkan doktor anda memahami corak tekanan darah anda sepanjang hari.



Pemasangan tipikal kelengkapan pemantauan tekanan darah

## Mengapakah Saya Perlukan Ujian Ini?

Pemantauan tekanan darah ambulatori amat berguna untuk penilaian hipertensi (tekanan darah tinggi) yang ringan. Keadaan ini biasanya didiagnosis berlebihan berdasarkan bacaan tekanan darah klinik sahaja. Ia juga digunakan untuk mengkaji kesan ubat penurunan tekanan darah, mengesan perubahan tekanan darah yang berlebihan dan memeriksa hipertensi yang serius.

Tanpa diagnosis yang tepat dan rawatan yang wajar, tekanan darah tinggi boleh merosakkan jantung, buah pinggang, otak, mata dan saluran darah.

## Apakah Yang Perlu Saya Jangkakan untuk Ujian ini?

1. Manset (cuff) tekanan darah akan dilekatkan pada salah sebelah tangan anda dan disambungkan ke alat rekod tekanan darah berkomputer mudah alih yang biasanya dipakai di pinggang anda selama 24 jam. Kemudiannya, alat rekod akan mengukur tekanan darah pada selang masa yang ditetapkan terlebih dahulu sepanjang tempoh 24 jam. Pemasangan kelengkapan ujian biasanya mengambil masa kurang daripada 20 hingga 30 minit di Makmal Jantung Bukan Invasif.
2. Disebabkan prosedur dijalankan secara pesakit luar selepas alat rekod dipasang, anda boleh meninggalkan hospital dan meneruskan kegiatan biasa anda, kecuali mandi, berenang atau kegiatan yang mungkin membasahkan kelengkapan. Elakkan pergerakan besar lengan dan kawasan yang dilekatkan bersama bahagian kelengkapan.



Alat rekod tekanan darah mudah alih dan manset (cuff) tekanan darah

3. Anda tidak seharusnya terlibat dalam sukan yang boleh merosakkan alat rekod, atau merosakkan mana-mana bahagian instrumen. Untuk ketepatan maksimum, pastikan lengan anda lurus dan relaks seboleh mungkin semasa pengembangan dan pengempisan manset (cuff).
4. Ahli teknologi jantung yang memasang alat rekod anda akan memberi anda buku harian untuk mencatat kegiatan anda dan sebarang simptom yang mungkin anda alami semasa ujian. Tafsiran tepat berkenaan rekod tekanan darah ambulatori anda bergantung pada catatan terperinci dalam buku harian anda.
5. Apabila anda kembali ke hospital pada hari yang berikutnya, alat rekod akan dialihkan dan data akan dipindahkan ke komputer untuk analisis.